

# PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan.

## 1.1. Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan

a. Pengauditan Pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan empat jabatan Persekutuan melibatkan tujuh tajuk dengan jumlah semakan Audit RM1.127 bilion. Semakan Audit dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut:

### i. Terimaan - RM78.86 juta

- Semakan di bawah kategori Terimaan bagi pengauditan Terimaan dan Bayaran di Bawah Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) adalah berjumlah RM41.06 juta;
- Pengauditan Kutipan Duti Kastam bagi Kenderaan Import di Pulau Bebas Cukai di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Kewangan berjumlah RM37.66 juta; dan
- Pengauditan Kutipan Sewa Kwarters Kerajaan di Putrajaya di Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (JPM) berjumlah RM0.14 juta.

### ii. Bayaran - RM1,048.53 juta

- Semakan di bawah kategori Bayaran bagi pengauditan Terimaan dan Bayaran di Bawah Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di MAFI adalah berjumlah RM634.84 juta;
- Pembayaran Geran Dana Kandungan Digital di Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) berjumlah RM184.20 juta;
- Bayaran terhadap Perkhidmatan Mencetak Dokumen Terkawal di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan berjumlah RM117.63 juta;
- Bayaran Projek Pembangunan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Kem Segamat, Johor di Kementerian Pertahanan (MINDEF) berjumlah RM94.10 juta; dan
- Bayaran Perkhidmatan Mencetak dan Pengeposan Notis Saman Polis di Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri berjumlah RM17.76 juta.

b. Ketidapatuhan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan berlaku isu kehilangan/kerugian wang awam, pembayaran tidak teratur dan pembaziran berjumlah RM158.08 juta seperti berikut:

i. Kehilangan/Kerugian Wang Awam berjumlah RM116.95 juta seperti berikut:

- **JKDM:** Syarat pemastautin dan pemilikan kenderaan tidak dipatuhi berjumlah RM72.17 juta;
- **JKDM:** Pengiraan duti eksais tidak tepat berjumlah RM0.15 juta;
- **MAFI:** Dana obligasi sosial tahun 2021 berjumlah RM37 juta belum diterima;
- **K-KOMM:** Projek Dana Kandungan Digital (DKD) tahun 2017 hingga 2019 berjumlah RM4 juta gagal disiapkan;
- **PDRM:** Denda tidak dikenakan berjumlah RM1.82 juta;
- **JPM:** Sewa kuarters tidak dikutip berjumlah RM1.16 juta;
- **JPM:** Kutipan sewa kuarters berjumlah RM0.40 juta tidak selaras dengan gred jawatan penghuni;
- **JPM:** Kutipan sewa kuarters berjumlah RM0.10 juta tidak selaras dengan lokasi pejabat penghuni; dan
- **JPJ:** Penalti tidak dikenakan berjumlah RM0.15 juta.

ii. Pembayaran Tidak Teratur berjumlah RM26.03 juta seperti berikut:

- **PDRM:** Bayaran tidak mengikut kontrak berjumlah RM17.76 juta;
- **K-KOMM:** Penyaluran DKD berjumlah RM4 juta kepada syarikat yang mempunyai kepentingan dengan ahli Perbadanan atau Jawatankuasa;
- **K-KOMM:** DKD berjumlah RM3.25 juta dibayar sebelum projek terdahulu selesai;
- **K-KOMM:** Bayaran tidak teratur dan penjualan hak penyiaran tanpa kelulusan berjumlah RM0.06 juta;
- **MAFI:** Bayaran Skim Subsidi Harga Padi berjumlah RM0.73 juta kepada pesawah yang telah meninggal dunia; dan
- **MINDEF:** Bayaran Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM0.23 juta dibuat sebelum kelulusan Jawatankuasa Kelulusan Perubahan Kerja.

iii. Pembaziran berjumlah RM15.10 juta seperti berikut:

- **JPJ:** Kad Lesen Memandu tidak digunakan bernilai RM14.23 juta; dan
- **MAFI:** Jentera belum digunakan dan telah rosak bernilai RM0.87 juta.

2. Secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 22 syor untuk diambil tindakan oleh kementerian dan jabatan Persekutuan berkaitan.